

Biografi
TUN SAKARAN DANDAI
min rilaut ni bud

Biografi
TUN SAKARAN DANDAI
min rilaut ni bud

Penyunting

BASZLEY BEE B. BASRAH BEE
MD. SAFFIE ABDUL RAHIM
SABIHAH OSMAN

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2015

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Biografi TUN SAKARAN : min rilaut ni bud/Penyunting

BASZLEY BEE B. BASRAH BEE, MD. SAFFIE ABDUL RAHIM, SABIHAH OSMAN

Includes index

Bibliography: page

ISBN 978-967-0521-55-8

1. Sakaran Dandai, Tun, 1951-. 2. Politicians--Sabah--Biography

3. Cabinet officers--Sabah--Biography

I. Baszley Bee Basrah Bee, 1968-. II. Md. Saffie Abd. Rahim, 1977-,

III. Sabihah Osman, 1945-. IV. Judul : Min rilaut ni bud.

923.259521

Muka taip teks: CenturyOldst BT

Saiz taip teks dan *leading*: 11/14 poin

Diterbitkan oleh: Penerbit Universiti Malaysia Sabah
Tingkat Bawah, Perpustakaan
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah

Dicetak oleh: GAYAWARA SDN. BHD.

No. 2, Jalan Nountun,

Kg. Bambangan Inanam, Tingkat Bawah,

Wisma Capital, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.

*Buku biografi ini didedikasi khas kepada
Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Hj. Sakaran Dandai
atas peranan dan bakti yang diberikan
kepada negeri Sabah dan Malaysia.*



Sesi *Program Wawancara Sejarah Lisan Siri 2* bersama Tun Sakaran Dandai yang dikendalikan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 2 November 2009. Kumpulan pengkaji dan penulis Universiti Malaysia Sabah diketuai oleh Prof. Emeritus Dr Sabihah Osman dengan dibantu oleh Baszley Bee B. Basrah Bee (Penyelaras Projek), Prof. Madya Dr Bilcher Bala, Md. Saffie Abdul Rahim, Dr Maureen De Silva dan Mohamad Shaukhi Md. Radzi. Kumpulan Arkib Negara Malaysia cawangan Kuala Lumpur pula diketuai oleh Puan Sulasteri Abd. Hamid, dibantu oleh staf Arkib Negara Malaysia cawangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

Kandungan

Halaman

Senarai Singkatan

Prakata

Penghargaan

Pendahuluan

Bab 1	Prolog: Pemimpin Berjiwa Rakyat <i>Sabihah Osman</i>	1
Bab 2	Salasilah Keluarga <i>Baszley Bee B. Basrah Bee</i>	9
Bab 3	Perkhidmatan Awam <i>Md. Saffie Abdul Rahim</i>	21
Bab 4	Di Ambang Kemerdekaan <i>Bilcher Bala</i>	33
Bab 5	Perjuangan Politik, 1962 – 1994 <i>Bilcher Bala</i>	43
Bab 6	Dakwah Islam <i>Mohamad Shaukhi Md. Radzi</i>	53
Bab 7	Istana Rakyat di Bukit Bendera <i>Maureen De Silva</i>	69
Bab 8	Epilog Sebuah Biografi <i>Baszley Bee B. Basrah Bee</i>	77

Senarai Penyumbang

Bibliografi

Indeks

Senarai Singkatan

ADK	Ahli Darjah Kinabalu
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ANM	Arkib Negara Malaysia
BERJAYA	Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BMA	<i>British Military Administration</i>
BNBCC	<i>British North Borneo Chartered Company</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KALTIM	Kalimantan Timur
KAN	Ketua Anak Negeri
KJRI	Konsulat Jendrel Republik Indonesia
LCC	<i>Land Census Committee</i>
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
NKKU	Negara Kesatuan Kalimantan Utara
OKK	Orang Kaya-Kaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBS	Parti Bersatu Sabah
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PGDK	Panglima Gemilang Darjah Kinabalu
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIS	Persatuan Islam Sabah
PKK	Pemangku Ketua Kerani
PIIB	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
PRB	Partai Ra'yat Brunei
SCA	Sabah Chinese Association
SFI	<i>Sabah Forest Industries</i>
SCCP	Sabah Chinese Consolidated Party
SMMN	Seri Maharaja Mangku Negara
TNKU	Tentera Negara Kalimantan Utara
TOL	<i>Temporary Owner Licence</i>
TYT	Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah
UBD	Universiti Brunei Darussalam
UMNO	<i>United Malay National Organization</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNKO	<i>United National Kadazan Organization</i>
UPKO	<i>United Pasokmomogun Kadazan Organisation</i>
USIA	<i>United Sabah Islamic Organization</i>
USNO	<i>United Sabah National Organization</i>

Prakata

Buku biografi ini adalah catatan pengalaman hidup seorang tokoh pemimpin berjiwa rakyat dari sebuah daerah kelautan di pantai timur negeri Sabah, Semporna. Pengisahannya menyerlahkan peristiwa sejarah tanah hujung utara Pulau Borneo dengan nada yang tersendiri. Penulisan pengalamannya adalah dari apa yang diceritakan sendiri oleh tokoh tersebut dengan penuh rendah hati. Sifat inilah menjadi teras kehidupan beliau yang menyebabkan dirinya dipandang tinggi sebagai seorang pemimpin hingga saat ini. Tokoh yang dimaksudkan ialah Tun Sakaran Dandai, anak kelahiran Semporna sebelum Perang Dunia Kedua.

Perjalanan sejarah Tun Sakaran penuh dengan liku yang mampu menggetarkan semangat pembaca. Ternyata, Tun telah mencipta sejarah hidupnya berdasarkan pandangan hidup yang menyeluruh dengan berpaksikan pada tuntutan agama Islam untuk membina dan memimpin masyarakat yang sempurna.

Secara tepat, Tun Sakaran dianggap sebagai seorang pemimpin yang berwibawa. Beliau berjaya memandu masyarakatnya ke arah suatu matlamat selaras dengan perjalanan kariernya dari seorang kerani awam pada zaman *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) sehinggalah menjadi pemimpin utama Sabah sebagai Ketua Negeri iaitu TYT (Tuan Yang Terutama).

Sepanjang karier Tun Sakaran dalam perkhidmatan awam dan politik, Tun amat peka dan memahami masalah pokok yang dihadapi rakyat jelata dan bagaimana mengatasinya. Bertitik tolak daripada cita sempurna seorang pemimpin, Tun sentiasa melakukan apa yang terbaik untuk negeri dan masyarakatnya. Pada masa yang sama, Tun memupuk semangat kasih sayang dan perpaduan dalam kalangan rakyat. Hal ini sekali gus telah memberi kesedaran kepada rakyat tentang apa yang telah beliau laksanakan demi perpaduan, kesejahteraan dan peningkatan kehidupan mereka.

Dalam menilai sumbangan dan jasa bakti Tun Sakaran sebagai pemimpin rakyat adalah tepat dirujuk pandangan Sasterawan Negara Arenawati. Menurutnya, “Tun adalah satu-satunya pemimpin politik Sabah yang dianggap berwibawa dan jujur.” Pandangan dan penilaian Arenawati ini terbukti benar apabila beliau dapat menangani kemelut politik yang bergolak pada saat Sabah mengharungi kegentingan dan ketidakstabilan politik antara tahun 1985 hingga 1994.

Tun Sakaran kemudian diamanahkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menerajui Kerajaan Negeri Sabah selepas Barisan Nasional (BN) berjaya mengambil alih Kerajaan Negeri apabila memenangi Pilihan Raya Negeri Sabah tahun 1994. Tun dilantik menjadi Ketua Menteri Sabah dan seterusnya diangkat menjadi TYT pada tahun 1995.

Tun Sakaran adalah seorang pemimpin yang berhemah tinggi dan berintegriti. Sifat-sifatnya yang mulia ini terpancar apabila Tun dengan rasa rendah diri mengiringi Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan keluar dari pejabat Ketua Menteri semasa mengambil alih teraju pemerintahan negeri Sabah pada 17 Mac 1994. Sebagai seorang pemimpin berjiwa rakyat, Tun sentiasa mengamalkan sifat untuk terus mendengar keluhan rakyat tanpa mengira latar belakang dan kepercayaan serta berusaha menangani masalah mereka sedaya mungkin yang beliau termampu.

Buku ini adalah pelengkap kepada buku biografi bergambar oleh Ismail Abas, Nadin Salleh dan Japar Ungki (1996) bertajuk '*Biografi Bergambar Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai.*' Kajian dan penulisan buku ini juga merupakan kesinambungan berterusan kerjasama yang erat antara FKS, UMS dengan Arkib Negara Malaysia.

Baszley Bee B. Basrah Bee
Md. Saffie Abdul Rahim
Sabihah Osman
15 April 2015

Penghargaan

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku ini berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan kajian dan penulisan ini, penyunting dan para penulis telah banyak terhutang budi kepada individu dan agensi yang berterusan memberi bantuan, sokongan dan kerjasama yang tidak ternilai harganya.

Setinggi terima kasih diucapkan kepada Tun Sakaran Dandai kerana mengizinkan pihak Program Sejarah, FKSJ, UMS dan Arkib Negara Malaysia mendokumentasikan kisah hidup beliau. Tanpa izin dan komitmen Tun, penulisan memoir ini tidak mungkin akan dapat dihasilkan. Begitu juga kepada Datuk Abdul Jamal Tun Sakaran atas kerjasama yang diberikan dalam membantu kajian yang dilakukan.

Sekalung budi untuk Prof. Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah, Naib Canselor, UMS atas sokongan kepada kami dalam kajian dan penulisan berkaitan sejarah lokal. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Prof. Dato' Mohd. Hamdan Hj. Adnan, Dekan FKSJ. Terima kasih kepada mantan Pengarah Arkib Negara cawangan Sabah (Encik Shalin Ali), Ketua Bahagian Dokumentasi, Arkib Negara Malaysia (Puan Sulasteri Abd. Hamid), staf Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Sabah dan Penerbit UMS. Begitu juga kepada individu dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian dan penulisan biografi ini.

Pendahuluan

Min rilaut ni bud frasa dalam bahasa Bajau Semporna yang membawa erti 'dari laut ke bukit.' Frasa ini menggambarkan liku-liku perjalanan Tun Sakaran Dandai. *'Min rilaut'* menggambarkan bagaimana leluhurnya membelah laut di pantai timur Sabah untuk membina kehidupan yang lebih baik untuk generasi akan datang. Kemudian, Tun dan adik-beradiknya membesar dalam persekitaran laut dan seterusnya berbakti kepada masyarakat yang sebahagian besarnya bergantung pada laut. Namun, baktinya tidak terhenti pada lingkungan kelautan timur Sabah. Ia hanya satu permulaan yang seterusnya amat panjang untuk ditempuhi. *'Ni bud'* pencapaian tertinggi untuk seorang tokoh luar yang tersohor dengan jolokan 'Raja Lepa-Lepa' menawan sebuah bukit. Bukit yang dimaksudkan ialah Istana Negeri Sabah, kediaman rasmi TYT. Jawatan tertinggi untuk disandang oleh rakyat negeri Sabah. *'Min rilaut ni bud,'* sumbangannya tanpa mengira di mana jua di negeri ini, siapa juga rakyat negeri ini.

Buku biografi ini dipersembahkan dalam lapan bab yang mencakupi perjalanan hidup Tun Sakaran Dandai dari alam kanak-kanak hinggalah beliau menamatkan penggal terakhir sebagai TYT. Turut disentuh juga penglibatan beliau dalam *United Sabah Islamic Organization* (USIA) antara tahun 1994 sehingga 2009. Sebuah kisah hidup yang amat panjang untuk buku sekecil ini. Namun, para penulis berusaha meringkaskan tanpa meninggalkan perincian peristiwa penting yang berlaku dalam perjalanan hidup Tun Sakaran.

'Prolog: Pemimpin Berjiwa Rakyat' sebagai bab pengenalan mengupas keberadaan Tun Sakaran sebagai tokoh tempatan Sabah yang telah memainkan peranan penting dalam sejarah Sabah dan Malaysia amnya. Tun dilihat sebagai antara tokoh yang dibayangi oleh tokoh tempatan lain yang lebih awal, menyebabkan tidak ramai masyarakat umum khususnya generasi muda mengetahui peranan Tun sebelum dan menjelang kemerdekaan. Penulis juga memperlihatkan Tun sebagai penjawat awam semasa pentadbiran Kolonial British sehinggalah menamatkan kariernya di alam pentadbiran awal sebagai seorang individu yang tidak jemu membantu rakyat. Tun merupakan pemimpin yang berjaya menerapkan tiga prinsip asas kepimpinan, iaitu kerjasama, saling menghormati dan kebebasan daripada pelbagai bentuk cengkaman yang menghalang kemajuan kehidupan.

'Salasilah Keluarga' menentengahkan latar belakang asal keluarga Tun Sakaran dari sebelah bapa dan ibunya. Penulis menonjolkan Tun sebagai pewaris darah kepimpinan dari kedua belah orang tuanya. Pengalaman yang amat menarik

diceritakan ialah kehidupan Tun sebagai kanak-kanak pada zaman Perang Dunia Kedua. Malah, turut dipersembahkan kehidupan masyarakat Semporna di kala itu yang turut mempengaruhi kehidupannya. Usaha Tun dalam menimba ilmu akhirat dan duniawi disentuh dengan penuh teladan untuk generasi muda masa kini, sementara alam berumah tangga yang penuh suka duka dan pengorbanan diperihalkan dengan hormat dari penulis.

‘Perkhidmatan Awam’ menelusuri pengalaman Tun Sakaran sebagai penjawat awam. Bermula sebagai seorang Kerani Anak Negeri di Semporna sehingga menjadi Ketua Anak Negeri (KAN). Meskipun beliau merupakan KAN termuda yang pernah dilantik dalam sejarah institusi pentadbiran peribumi negeri Sabah, beliau telah menimba pengalaman sebagai pentadbir di beberapa tempat di Sabah selama 12 tahun sebelum itu.

Bab ‘Di Ambang Kemerdekaan’ menjejak semangat nasionalisme Tun Sakaran yang membawa penglibatan beliau dalam kemerdekaan Sabah dan pembentukan Malaysia. Tun berpeluang menyertai rombongan pemimpin tempatan Sabah ke Singapura dan Tanah Melayu untuk melihat pembangunan yang dikecapi sejak merdeka. Pengalaman ini telah menguatkan lagi azam Tun untuk menyokong dan membantu pembentukan Malaysia. Tun juga berkongsi pengalaman bagaimana beliau memimpin tunjuk perarakan bertujuan untuk menarik perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya akur dengan keputusan yang dibuat oleh rakyat Borneo Utara dan Sarawak untuk menerima pembentukan Malaysia. Semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, Tun sebagai Ketua Daerah membantu Pegawai Daerah Semporna mengawasi kawasan kehadiran tentera Indonesia di Semporna.

‘Perjuangan Politik, 1962–1994’ pula menyingkap sejarah pembabitan Tun Sakaran dalam politik negeri Sabah dan Malaysia, amnya. Bibit politik Tun sebelum tahun 1960-an sememangnya sudah ada namun sebagai penjawat awam, Tun terikat dengan peraturan perkhidmatan untuk bergerak secara lebih bebas. Menjelang kemerdekaan Sabah dan pembentukan Malaysia, Tun menjadi ahli *United Sabah National Organisation* (USNO) yang amat aktif. Tun dipilih sebagai calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) USNO bagi Pilihan Raya Negeri Pertama pada bulan April 1967. Sakaran telah melepaskan jawatan Ketua Daerah untuk melibatkan diri secara sepenuh masa dalam arena politik. Dengan kemenangan tersebut, Tun menjadi ADUN Semporna yang pertama. Tun berjaya mempertahankan kerusi yang disandangnya walaupun USNO tidak lagi menjadi parti pemerintah pada tahun 1976. Begitu juga semasa pilihan raya tahun 1986 untuk kerusi Parlimen P.128 Silam dan mempertahankannya pada tahun 1990. Dalam Pilihan Raya Negeri 1994, UMNO telah mencipta sejarah di Sabah apabila memenangi 23 kerusi DUN daripada 48

kerusi yang dipertandingkan. Tun Sakaran yang kemudiannya menerajui UMNO Sabah dan membentuk Kerajaan Sabah setelah wakil rakyat PBS yang keluar parti dan menyertai UMNO. Tun dilantik menjadi Ketua Menteri Sabah kelapan pada 17 Mac 1994.

‘Dakwah Islam’ merupakan kisah perjuangan Tun Sakaran dalam menegakkan dan menyebarkan syiar Islam di negeri Sabah. Tun terkenal dengan sifat tawaduk, merendah diri, penyayang dan pemurah. Penjelmaan dan pengamalan sifat mahmudah atau sifat yang baik dalam diri Tun merupakan manifestasi dari ajaran agama Islam yang telah sehati dalam diri beliau. Penglibatan Tun dalam dakwah Islamiah di Sabah tidak pernah berhenti sehingga kini. Menerajui pertubuhan Islam paling berpengaruh di Malaysia, iaitu USIA menjadikan Tun seorang yang amat komitmen dalam kegiatan berkaitan agama Islam. Kemuncak kepada perjuangan Tun bersama Tun Datu Mustapha ialah apabila Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) meluluskan satu pindaan dalam Perlembagaan Negeri Sabah, Artikel 5 (A) pada 23 September 1973 yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah tetapi agama dan kepercayaan lain masih boleh diamalkan secara aman dan harmoni. Penulis beranggapan segala usaha yang dilakukan oleh Tun ini merupakan kesinambungan perjuangan moyang Tun, Orang Kaya-Kaya (OKK) Panglima Uddang yang mengabdikan diri untuk mengangkat martabat masyarakat Islam semasa era penjajah.

‘Istana Rakyat di Bukit Bendera’ menyingkap perjalanan akhir Tun Sakaran sebagai penjawat awam. Sebagai TYT, Tun telah menumpahkan segala pengalaman beliau sebagai pentadbir dan pemimpin rakyat. Penulis mengetengahkan gambaran ini dengan menyatakan, “Kalau boleh setiap jabatan kerajaan, organisasi atau institusi di negeri Sabah ini mahukan secebis daripada apa yang boleh dihulurkan oleh TYT. Maka, sepanjang tempoh Tun Sakaran menjadi TYT, beliau sentiasa menjadi tetamu kehormat mahupun perasmi kepada pelbagai acara dan upacara.” Selama dua penggal atau lapan tahun, Tun bukan sahaja terlibat dengan tahap tertinggi pentadbiran negeri Sabah tetapi juga aspek sosial dan ekonomi tanpa bersikap berat sebelah.

‘Epilog Sebuah Biografi’ merupakan kesimpulan kepada biografi ini. Kesimpulan yang melihat Tun Sakaran sebagai seorang pemimpin, pentadbir, tokoh masyarakat dan pendakwah. Ketokohan yang diwarisi daripada moyangnya dan terus diwariskan kepada anak-anak Tun antaranya seperti Datuk Nasir dan Datuk Abdul Jamal. Begitu juga anak saudara Tun yang lain seperti Datuk Seri Mohd. Shafie Hj. Apdal.